

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

LAWATAN KE PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC) UTM, SKUDAI

Pejabat Pengurusan Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah mengadakan lawatan perkongsian ilmu berkaitan Sistem Pengurusan Geran Penyelidikan di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai pada 18 Januari 2016. Seramai 14 peserta yang terdiri daripada staf ORICC, Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan Pejabat Pengurusan Strategik dan Kualiti (PPSK) terlibat dalam lawatan ini. Delegasi daripada UTHM diketuai oleh Profesor Dr. Rosziati Ibrahim, Dekan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan, ORICC. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mendapatkan ilmu dan pendedahan mengenai sistem pengurusan penyelidikan di UTM. Banyak manfaat diperolehi hasil dari perkongsian dan pendedahan ilmu yang boleh membantu menambatkan sistem pengurusan penyelidikan di universiti. Taklimat oleh pihak UTM telah disampaikan oleh Profesor Madya Ir. Dr. Herlina Abdul Rahim, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Korporat, RMC UTM.



SESI PERKONGSIAN ILMU 'WHAT IS SCOPUS, ISI, AND HOW TO INCREASE THE CITATIONS'




Pada 27 Januari 2016, Pejabat Pengurusan Penyelidikan Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah menganjurkan Sesi Perkongsian Ilmu bertajuk **'What is Scopus, ISI, and How to Increase the Citations'** bertempat di Bilik Persidangan ORICC.

Sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Profesor Dr. Mustafa Mat Deris dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Sesi ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada staf akademik universiti dengan jumlah kehadiran lebih dari 100 peserta. Turut hadir, Profesor Dr. Rosziati Ibrahim, Dekan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan dan Timbalan-Timbalan Dekan, ORICC. Diharapkan agar sesi perkongsian ilmu yang menjadi agenda tahunan ORICC ini memberi manfaat kepada semua staf akademik dalam meningkatkan penerbitan berindeks Scopus, ISI dan sitasi universiti.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGAJIAN PENYELIDIKAN (JKPI)



Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI) Bil.1/2016 telah diadakan pada 31 Januari 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM. Buat pertama kalinya Mesyuarat JKPI dipengerusikan oleh Profesor Dr. Hashim Saim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang baharu dilantik berkuatkuasa pada 01 Januari 2016.

Antara bidang kuasa JKPI adalah meluluskan permohonan pengkomersilan produk penyelidikan, membuat keputusan terhadap syor dan cadangan penerima insentif kecemerlangan penyelidikan dan inovasi, memperakukan pelantikan Felo Penyelidik, memperakukan permohonan penubuhan Syarikat Terbitan Universiti serta memperakukan & meluluskan garis panduan/ polisi baharu dan penambahbaikan garis panduan/ polisi sedia ada berkaitan penyelidikan & inovasi.

